



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

10 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,383 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **96,465 kes**. Sebanyak 12 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lima (5) kes di Tawau, tiga (3) kes di Sandakan dan masing-masing satu (1) kes di Keningau, Telupid, Kota Kinabalu dan Tenom. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 919 menjadikan jumlah kumulatif 83,490 orang. Seramai 4,542 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,083 orang di hospital, 3,405 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 50 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala empat (4) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 142 orang dan 72 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	POSITIF	KEMATIAN
KOTA KINABALU	326	1
TAWAU	168	5
SANDAKAN	138	3
TUARAN	92	0
PENAMPANG	80	0
KENINGAU	79	1
KOTA BELUD	66	0
BEAUFORT	65	0
KINABATANGAN	49	0
KOTA MARUDU	41	0
PAPAR	39	0
BELURAN	33	0
PUTATAN	30	0
TENOM	30	1
SIPITANG	22	0
TELUPID	19	1
LAHAD DATU	18	0
KUDAT	17	0
KALABAKAN	13	0
PITAS	12	0
TAMBUNAN	11	0
SEMPORNA	10	0
KUNAK	8	0
KUALA PENYU	8	0
RANAU	4	0
TONGOD	4	0
NABAWAN	1	0
JUMLAH	1383 KES	12 KES



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes baharu COVID-19 terus bertambah dan hari ini mencatatkan (1,383) kes iaitu penambahan (+136) kes baharu berbanding (1,247) kes semalam (09 Ogos 2021).
- b. Beberapa daerah merekodkan kenaikan kes yang ketara, Sandakan (+86) kes, Keningau (+36) kes, Kota Belud (+18) kes, Kinabatangan (+21) kes , Kota Marudu (+37) kes, Beluran (+23) kes dan Tenom (+17) kes.
- c. Daerah Kota Kinabalu mencatat kes terbanyak iaitu (326) kes, hampir 24% daripada keseluruhan jumlah kes di Sabah hari ini. Tawau (168) kes , Sandakan (138) kes, Tuaran (92) kes, Penampang (80) kes, Keningau (79) kes, Kota Belud (66) kes, Beaufort (65) kes, Kinabatangan (49) kes , Kota Marudu (41) kes, Papar (39) kes, Beluran (33) kes, Tenom dan Putatan masing-masing (30) kes.
- d. Kontak Rapat penyumbang utama kepada kes harian di negeri Sabah, iaitu 54.16% atau (749) kes, Saringan Bergejala 23.28% atau (322) kes, Saringan Kluster 8.03% atau (111) kes dan Saringan Bersasar 5.28% atau (73) kes. Satu (1) kluster baharu diisyiharkan hari ini di Kampung Timbua, Ranau yang sehingga kini merekod kumulatif sebanyak (48) kes, termasuk satu (1) kes baharu hari ini.
- e. Daripada (1,383) kes hari ini, (1,064) kes adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, (19) kes dalam Kategori 3, (12) kes dalam Kategori 4 dan enam (6) kes dalam kategori 5. (282) kes lagi masih dalam siasatan JKNS.
- f. Masyarakat dirayu sekali lagi betapa perlunya kita mematuhi semua SOP. Kes yang begitu tinggi yang melibatkan Kontak Rapat adalah satu petunjuk bahawa ada di antara kita yang masih lalai dalam pematuhan SOP. Ia juga satu peringatan agar kita mengurangkan aktiviti-aktiviti sosial bersama rakan-rakan agar kita tidak terdedah kepada risiko jangkitan virus COVID-19. Ada pembawa virus COVID-19 yang tidak menunjukkan sebarang simptom / gejala.

- g. JKNS dan agensi-agensi berkaitan sedang berusaha untuk memberi vaksin kepada rakyat dalam kadar yang cepat. Sehingga semalam (09 Ogos 2021) sebanyak 1,126,645 dos pertama telah pun diberi (administer) dan ini bermakna 40.8% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun disuntik sekurang kurangnya dos pertama vaksin. Mereka yang telah melengkapkan suntikan 2 dos masih rendah, iaitu cuma 17.6% atau (485,880 dos) daripada jumlah penduduk dewasa Sabah. Usaha terus dibuat oleh Kerajaan untuk menambah kapasiti penyuntikan JKNS sambil memastikan bekalan vaksin yang cukup sentiasa ada.
- h. Dalam keadaan di mana virus COVID-19 telah pun berada di tengah-tengah masyarakat, kita sedang berlumba mengejar masa untuk memberi vaksin kepada setiap orang yang layak untuk disuntik dengan kadar segera. Ini bermakna keskes baharu akan terus berada dalam angka yang tinggi sehingga lebih ramai penduduk memperolehi vaksin. Kes hanya akan mula menurun apabila kita berjaya memberi suntikan vaksin kepada penduduk pada satu tahap peratusan yang signifikan.
- i. Rakyat boleh memainkan peranan penting untuk mengawal merebaknya jangkitan virus ini dengan mengamalkan disiplin dan penjagaan kesihatan diri yang tinggi dengan mematuhi semua SOP.
- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (749) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	111	8.03%
2	Bergejala	322	23.28%
3	Kontak	749	54.16%
4	Bersasar	73	5.28%
5	Lain-lain	128	9.26%
JUMLAH		1,383	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (09 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 09/08/2021	Catatan Kes 10/08/2021	Perbandingan
1	Sandakan	52	138	+86
2	Kota Marudu	4	41	+37
3	Keningau	46	79	+33
4	Beluran	10	33	+23
5	Kinabatangan	28	49	+21
6	Kota Belud	48	66	+18
7	Tenom	13	30	+17
8	Beaufort	49	65	+16
9	Kota Kinabalu	310	326	+16
10	Lahad Datu	5	18	+13
11	Pitas	2	12	+10
12	Tambunan	1	11	+10
13	Kudat	8	17	+9
14	Kuala Penyu	2	8	+6
15	Kalabakan	8	13	+5
16	Tongod	0	4	+4
17	Ranau	2	4	+2
18	Tuaran	91	92	+1
19	Semporna	10	10	Kekal
20	Sipitang	70	22	-48
21	Penampang	127	80	-47
22	Tawau	206	168	-38
23	Putatan	55	30	-25
24	Telupid	36	19	-17
25	Nabawan	8	1	-7
26	Papar	45	39	-6
27	Kunak	11	8	-3
JUMLAH		1,247	1,383	+136

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (27 Julai - 09 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	169	90	14	53	326	3,387
Tawau	0	93	38	29	8	168	1,754
Sandakan	7	70	40	10	11	138	950
Tuaran	3	40	30	15	4	92	1,287
Penampang	1	43	32	0	4	80	1,274
Keningau	0	56	19	0	4	79	691
Kota Belud	10	44	11	0	1	66	363
Beaufort	0	37	5	0	23	65	670
Kinabatangan	45	1	1	0	2	49	447
Kota Marudu	0	36	5	0	0	41	261
Papar	0	32	4	0	3	39	668
Beluran	1	27	1	3	1	33	333
Putatan	0	19	10	1	0	30	404
Tenom	23	6	0	0	1	30	272
Sipitang	3	4	14	0	1	22	456
Telupid	10	7	2	0	0	19	347
Lahad Datu	0	14	4	0	0	18	164
Kudat	6	7	2	0	2	17	164
Kalabakan	0	9	3	0	1	13	215
Pitas	0	9	2	0	1	12	74
Tambunan	0	10	1	0	0	11	49
Semporna	0	2	2	0	6	10	69
Kunak	0	5	2	1	0	8	232
Kuala Penyu	0	7	0	0	1	8	82
Ranau	1	1	1	0	1	4	250
Tongod	0	1	3	0	0	4	174
Nabawan	1	0	0	0	0	1	44
JUMLAH	111	749	322	73	128	1,383	15,081

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Sandakan	Kluster Jalan Utara Dua	4
	Kluster Lebuh Empat	3
Penampang	Kluster Jalan Penampang	1
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	3
Kinabatangan	Kluster Pauh	45
Beluran	Kluster Pauh	1
Kota Belud	Kluster Tempasuk Kota Belud	10
Telupid	Kluster Gambaron 2	10
Ranau	Kluster Timbua	1
Kudat	Kluster Jeti Kudat	6
Tuaran	Kluster Jalan Mat Salleh	3
Nabawan	Kluster Sarikan	1
Tenom	Kluster Sibulu	23
JUMLAH		111

6

Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Timbua - Ranau dipercayai berpunca daripada aktiviti berkumpul oleh masyarakat untuk majlis ibadah korban di Masjid Timbua. Kes indeks merupakan penghidap kanser, lelaki, 52, yang dikesan positif COVID-19 (RTK-Ag) pada 23 Julai 2021 dalam saringan pra-kemasukan ke wad. Turut dikesan positif, penjaga kepada kes indeks di dalam wad melalui RTK-Ag. Saringan kontak rapat dijalankan pada 27 hingga 29 Julai 2021 mendapati pertambahan kes positif dalam kalangan kontak rapat dan diperluaskan hingga 10 Ogos 2021. Daripada 239 kontak yang disaring, 48 dikesan positif termasuk satu (1) kes baharu hari ini. Manakala 95 kontak didapati negatif dan 97 kontak lagi masih menunggu keputusan ujian saringan. Selain Kg Timbua, jumlah kes positif melibatkan beberapa lokaliti lain antaranya, di Kg Lembah Permai, Kg Kembiroi, Kg Merungin 2 dan Kuarters Ibu Pejabat Polis Ranau.

7 Jumlah kapasiti katil 6,969 unit

- Hospital 1,160 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,637 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 1,172 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 65.12%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,374
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	9
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	1,383

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Johor	5
Selangor	2
Jumlah	9

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,158
Bukan Malaysia	225
Jumlah	1,383

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	326
Belum Menerima Vaksin	663
Menerima 1 Dos	282
Lengkap 2 Dos	112
Jumlah	1,383

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	12
1 to 5	101
6 to 17	213
18 to 59	961
>60	96
Jumlah	1,383

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 10 Ogos 2021)
1	Kota Kinabalu	24
2	Tawau	21
3	Penampang	18
4	Tuaran	12
5	Beaufort	9
6	Sandakan	8
7	Keningau	7
8	Kudat	5
9	Papar	4
10	Sipitang	4
11	Kinabatangan	3
12	Putatan	3
13	Ranau	3
14	Tenom	3
15	Kota Belud	2
16	Kota Marudu	2
17	Kunak	2
18	Telupid	2
19	Beluran	1
JUMLAH		133

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Tiga (3) Lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kuarters Kilang J & L, Jalan Kokol, • Kampung Gudon, Manggatal • Kampung Lobou 	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021

2.	Kampung Menunggui, Kota Belud, Sabah	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021
3.	Kampung Tengah, Kinarut, Papar, Sabah	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021
4.	Kampung Petagas, Putatan, Sabah	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021
5.	Kampung Pogunon, Penampang, Sabah.	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021
6.	Kampung Timbua-Kembiroi-Lobou Baru, Ranau, Sabah	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021
7.	Kampung Batu 1 Sipitang, Sabah	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021
8.	Kampung Bukit Kukusan, Tawau, Sabah	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021
9.	Kampung Batu-Batu, Tenom, Sabah	12 Ogos 2021	25 Ogos 2021

E PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, PKPD akan **DILANJUTKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Enam (6) Lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Bandar Sierra • Kampung Kalasan 	11 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 12 Ogos sehingga 25 Ogos 2021

	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pulau Penampang • Bandaran Segama • Taman Bukit Setia • Taman Putera Jaya 		
--	--	--	--

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Lima (5) Lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Unggun • Lorong Cina 1, 2 & 3 • Kampung Tebodon • Plaza Kingfisher • Polytechnic Commercial Centre 	29 Julai 2021	Ditamatkan pada 11 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	Lapan (8) Lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Country Height Fasa 1, 2 & 3 (termasuk Bangunan Kedai) • Cyber City Fasa 1 • Kampung Nabangkung • Kampung Ramayah 	29 Julai 2021	Ditamatkan pada 11 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Vista Kiranau • Kampung Sarapung Kolopis • Vista Minitod • Kampung Tuunon 		
3.	Empat (4) Lokaliti di Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Lumadan • Kampung Kebulu Petani • Kampung Beaufort Selatan • Taman Arjuna 	29 Julai 2021	Ditamatkan pada 11 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
4.	Perumahan Ladang Tinabau, Kinabatangan, Sabah	29 Julai 2021	Ditamatkan pada 11 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
5.	Tiga (3) Lokaliti di Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Blok 31 • Kampung Tanjung Batu Darat • Kampung Darat Iderasabah 	29 Julai 2021	Ditamatkan pada 11 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.

- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **22,784** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,081,380 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **13,989** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 430,353 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 15,333 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,301,697 (Mysejahtera 1,218,728: Laman Web 82,681: Talian Vaksinasi 288) bersamaan 47.2%.

H **BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **397,204** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I **LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 191 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 41,125 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 181 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 38 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 12 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 13 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Lapan (8) Orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
 - Empat (4) Orang : Rentas Negeri Daerah Tanpa Kebenaran
 - Satu (1) Orang : Ingkar Perintah Kuarantin
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 86 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 942 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Sebanyak empat (4) notis/amaran telah dikeluarkan oleh PBT iaitu dua (2) di Keningau, satu (1) di Tawau dan satu (1) di Kinabatangan.
- iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 129 premis perniagaan dan 564 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan kerusi / meja tiada penjarakan 1 meter di City Food Corner, Gaya Street (1 Premis). Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Upperstar Damai (1 Orang), dan tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Upperstar Damai (2 Orang Pekerja).

5

Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 424 Premis Perniagaan melibatkan 209 anggota APM. Sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6

Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 173 anggota di 226 lokasi.

7

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 30 premis, melibatkan 15 buah BBP pada hari ini.

8

Sejumlah 108 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.

9

Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 164 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Tenom	96%
3	Kota Belud	96%
4	Beaufort	96%
5	Kinabatangan	96%
6	Sandakan	95.5%
7	Beluran	95.5%
8	Kudat	95%
9	Keningau	95%
10	Ranau	95%
11	Papar	95%
12	Kunak	95%
13	Lahad Datu	95%
14	Penampang	95%
15	Sipitang	95%
16	Kota Marudu	95%
17	Tawau	95%
18	Kota Kinabalu	95%
19	Tuaran	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**